

25 JAN 1996

Sukan-Basikal

LE TOUR DE LANGKAWI PERKENALKAN LANGKAWI DI PETA DUNIA

LANGKAWI, 25 Jan (Bernama) -- Kejohanan lumba basikal "Le Tour de Langkawi" dari 29 Feb hingga 10 Mac ini adalah antara enam acara utama yang disusun sepanjang tahun ini untuk memperkenalkan lagi Langkawi sebagai pulau peranginan ke seluruh dunia.

Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Datuk Abdul Halil Mutalib berkata, kejohanan yang menawarkan hadiah berjumlah RM1 juta itu merupakan perlumbaan jelajah Malaysia yang terbesar pernah dianjurkan di negara ini.

Melalui acara itu, Langkawi diharap akan terkenal bukan sahaja sebagai pusat peranginan dan persidangan antarabangsa, tetapi juga sebagai pusat sukan peringkat dunia, katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Le Tour de Langkawi, yang menyerupai Le Tour de France, adalah hasil ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Perlumbaan sejauh 1,428 km itu akan diadakan berperingkat-peringkat melalui beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia.

Abdul Halil berkata seramai 180 pelumba dari 18 negara termasuk Perancis, Belanda, England, Amerika Syarikat, Australia, Jepun, Taiwan dan negara-negara Asean, dijangka menyertai kejohanan itu.

Katanya, Dr Mahathir dijangka melepaskan para peserta di Langkawi pada 29 Feb.

Selain Le Tour de Langkawi, Abdul Halil berkata bahawa Pameran Keperluan Lapangan Terbang akan diadakan di Dewan Pameran Antarabangsa Mahsuri di sini mulai 16 April.

Katanya, perlumbaan bot laju "Formula One" yang akan menyaksikan penyertaan jaguh-jaguh dunia, akan diadakan pada Mei. -- BERNAMA